



KERTAS KONSULTASI AWAM BAGI BAJET 2022

**Penambahbaikan Program Bantuan
Tunai Kerajaan**

Kementerian Kewangan Malaysia

3 September 2021

KERTAS KONSULTASI AWAM BAGI BAJET 2022

PENAMBAHBAIKAN PROGRAM BANTUAN TUNAI KERAJAAN

Kementerian Kewangan menjemput maklum balas bertulis ke atas cadangan yang dibentangkan di dalam kertas konsultasi awam ini. Maklum balas boleh dikemukakan selewat-lewatnya pada 5.00 petang, 15 September 2021 (Rabu).

Maklum balas yang dikemukakan akan digunakan di dalam pelbagai forum perbincangan anjuran Kementerian Kewangan atau pihak yang diberi kebenaran oleh Kementerian Kewangan. Sekiranya maklumat seperti nama tidak mahu disiarkan kepada umum, sila nyatakan secara jelas di dalam maklum balas yang dikemukakan.

Salinan tambahan kertas konsultasi awam ini boleh dimuat turun dan maklum balas boleh dikemukakan melalui pautan yang disediakan di portal rasmi Kementerian Kewangan www.mof.gov.my

Sebarang soalan atau keperluan maklumat lanjut berkenaan kertas konsultasi awam ini boleh dikemukakan kepada konsultasi.bajet2022@mof.gov.my

Sumbangan tuan/puan adalah dihargai, terima kasih.

ISI KANDUNGAN

	Perkara	Muka Surat
1.	Objektif	1
2.	Latar Belakang Bantuan Tunai Langsung	2
3.	Isu Berbangkit	5
4.	Cadangan Penambahbaikan	6
5.	Jangkaan Impak	11
6.	Rumusan	11
7.	Soalan dan Maklum Balas	11

1. OBJEKTIF

- 1.1. Pelaksanaan Program Bantuan Tunai di bawah pakej-pakej bantuan dan rangsangan ekonomi yang dilancarkan Kerajaan merupakan antara inisiatif utama bagi mengurangkan beban kos sara hidup rakyat. Bantuan ini umumnya bersifat menyeluruh dan sejajar dengan pelaksanaan di negara-negara serantau dan maju yang lain.
- 1.2. Penularan pandemik COVID-19 sejak penghujung tahun 2019 telah mencetuskan krisis kesihatan dan ekonomi pada skala yang tidak pernah dialami di peringkat global sebelum ini. Sehubungan itu, bagi memastikan kelangsungan hidup rakyat dan kesejahteraan negara terus terpelihara, langkah-langkah proaktif terus dilaksanakan oleh Kerajaan dalam menangani impak dan cabaran yang tercetus kesan daripada penularan pandemik tersebut.
- 1.3. Antara objektif penyediaan kertas konsultasi awam ini adalah untuk:
 - i. Mendapatkan pandangan dan input daripada setiap lapisan masyarakat di Malaysia yang terkesan secara langsung atau tidak langsung disebabkan penularan pandemik COVID-19 bagi meningkatkan keberkesanan penyampaian bantuan Kerajaan kepada rakyat;
 - ii. Mengenal pasti keperluan dan masalah masyarakat tanpa mengetepikan hasrat rakyat, terutamanya dalam situasi yang mencabar akibat penularan COVID-19;
 - iii. Menambah baik penyediaan bajet tahunan negara, khususnya yang melibatkan inisiatif bantuan kewangan Kerajaan kepada rakyat;
 - iv. Meningkatkan mutu sistem permohonan bantuan sedia ada dan mengenal pasti penerima bantuan supaya tiada golongan layak yang

tercicir (*exclusion error*) dan golongan tidak layak menerima bantuan (*inclusion error*); dan

- v. Sebagai panduan kepada Kerajaan mengenai perkara-perkara yang perlu diberikan tumpuan dalam pakej-pakej bantuan atau bajet tahunan yang dirancang pada masa hadapan.

2. LATAR BELAKANG BANTUAN TUNAI LANGSUNG

2.1 Komitmen Kerajaan dalam memastikan agenda memelihara kebajikan rakyat umumnya tertumpu kepada enam fokus utama iaitu perlindungan pendapatan, bantuan tunai langsung, moratorium pinjaman, pelepasan cukai, sumbangan peralatan dan perubatan serta insurans. Terdapat pelbagai dasar dan program yang telah diperkenalkan selari dengan enam fokus utama tersebut pada ketika semua lapisan masyarakat sedang berhadapan dengan kesan krisis pandemik COVID-19.

2.2 Walaupun Malaysia bukan merupakan negara bersistem kebajikan sosial, bantuan tunai langsung telah disalurkan kepada rakyat yang bertujuan untuk meringankan beban buat sementara waktu bagi individu atau keluarga terjejas. Namun, ia turut menggalakkan kumpulan sasar yang masih produktif supaya dapat kembali bekerja dan mampu berdikari. Bantuan tunai langsung yang disalurkan oleh Kerajaan dikategorikan kepada dua, iaitu bantuan sedia ada yang melibatkan Bantuan Sara Hidup (BSH) yang ditambah baik kepada Bantuan Prihatin Rakyat (BPR). Jenis kedua ialah bantuan Pandemik COVID-19 yang melibatkan Bantuan Prihatin Nasional (BPN), Bantuan Khas COVID-19 (BKC) dan Bantuan Kehilangan Pendapatan (BKP).

Bantuan Tunai Langsung Sedia Ada (BSH/BPR)

2.3 Di bawah Belanjawan 2021, BSH yang diperkenalkan pada 2019 telah ditambah baik kepada BPR, iaitu skop bantuan diperluaskan sehingga

memanfaatkan hampir 8.4 juta penerima berbanding 4.5 juta penerima BSH pada tahun 2020.

- 2.4 Kerajaan kekal komited dalam memastikan semua bantuan Kerajaan adalah berkesan dan menepati kumpulan sasar yang ditetapkan terutamanya golongan yang terjejas akibat COVID-19. Skop penerima untuk BPR juga telah diperluas kepada golongan bujang berumur 21 tahun dan ke atas berbanding dengan umur 40 tahun dan ke atas di bawah BSH. Selain itu, kategori BPR merangkumi isi rumah dengan pendapatan sehingga RM5,000 sebulan berbanding dengan RM4,000 sebulan di bawah BSH. Kenaikan ini adalah selaras dengan nilai ambang pendapatan isi rumah B40 mengikut Survei Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas 2019.

Bantuan Pandemik COVID-19

2.5 Bantuan Prihatin Nasional (BPN)

BPN telah diperkenalkan di bawah Pakej PRIHATIN yang mensasarkan kepada golongan 40% terbawah (B40) dan 40% menengah (M40) kumpulan pendapatan. Golongan B40 yang menerima BPN adalah penerima yang layak berdasarkan pangkalan data BSH dan melibatkan pemberian tunai secara *one-off* dengan peruntukan hampir RM11 bilion. Data penerima kategori M40 pula melibatkan individu berpendapatan antara RM4,001 hingga RM8,000 berdasarkan data percukaian.

Melalui Pakej KITA PRIHATIN, BPN 2.0 telah diperkenalkan bertujuan untuk menyediakan bantuan tambahan kepada rakyat dengan peruntukan hampir RM7 bilion. Jumlah peruntukan bagi kedua-dua bantuan tunai ini berjumlah RM18 bilion yang telah memanfaatkan 11 juta penerima yang layak.

2.6 Bantuan Khas COVID-19 (BKC)

BKC merupakan bantuan tunai langsung yang disediakan oleh Kerajaan melalui Pakej PEMULIH bagi meringankan kos sara hidup dan beban rakyat akibat pandemik COVID-19 sehingga akhir tahun 2021 dengan mensasarkan penerima miskin tegar, B40 dan M40. Secara keseluruhan, pemberian BKC ini dijangka memanfaatkan hampir 11 juta isi rumah dan individu warga emas serta bujang dengan peruntukan sebanyak RM4.6 bilion.

Kelayakan bagi inisiatif BKC akan dimuktamad berdasarkan data sedia ada permohonan BPR 2021 dan data terkini percukaian. Sehubungan itu, tiada permohonan baharu akan dibuka memandangkan bantuan ini perlu disegerakan untuk kesejahteraan rakyat. Keputusan ini dibuat setelah mengambil kira tempoh masa pembangunan sistem permohonan serta proses verifikasi kelayakan yang lama dan akan melambatkan proses penyaluran bantuan kepada rakyat yang sangat terkesan akibat pandemik COVID-19 ketika ini.

2.7 Bantuan Kehilangan Pendapatan (BKP)

BKP di bawah Pakej PEMULIH mensasarkan individu kehilangan pendapatan tanpa had umur. Individu layak akan menerima bayaran tunai secara *one-off* berdasarkan data KWSP/PERKESO.

Penerima BKP merupakan individu yang mempunyai maklumat caruman di KWSP/PERKESO. Individu yang layak untuk menerima BKP terdiri daripada kriteria berikut:

- i. Mempunyai caruman KWSP/PERKESO sekurang-kurangnya 6 bulan pada tahun 2020; dan
- ii. Tiada caruman sekurang-kurangnya 3 bulan berturut-turut sehingga 30 Jun 2021 (April, Mei dan Jun 2021).

3. ISU BERBANGKIT

3.1. Hasil maklum balas daripada pelbagai pihak sepanjang pelaksanaan pemberian bantuan tunai langsung, Kerajaan mendapati terdapat beberapa isu yang timbul khususnya melibatkan penetapan kelayakan mendapat bantuan. Antara isu yang berbangkit dan persoalan yang diterima termasuklah:

- i. Syarat kelayakan terlalu ketat dan sukar untuk diluluskan sekiranya dokumen sokongan tidak dikemukakan;
- ii. Kesukaran menetapkan kelayakan bantuan mengikut saiz dan pendapatan isi rumah (per kapita);
- iii. Pertindihan inisiatif bantuan Kerajaan yang diterima oleh individu yang sama yang menyebabkan terdapat golongan atau individu yang mendapat bantuan tidak sewajarnya;
- iv. Nilai bantuan yang diberikan rendah dan tidak mencukupi untuk menampung keperluan semasa;
- v. Keraguan ke atas kebolehpercayaan proses verifikasi permohonan;
- vi. Kesukaran pendaftaran automatik daripada agensi-agensi Kerajaan/Kerjasama Badan Bukan Kerajaan (NGO);
- vii. Tahap penerimaan di kalangan penerima bantuan ke atas kaedah penyaluran bantuan secara tanpa tunai (*cashless*); dan
- viii. Kesukaran untuk menyalurkan bantuan kepada penerima di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak.

4. CADANGAN PENAMBAHBAIKAN

Beberapa cadangan penambahbaikan dan penyelesaian telah dirangka seperti berikut:

Syarat kelayakan terlalu ketat dan sukar untuk diluluskan sekiranya dokumen sokongan tidak dikemukakan.

- 4.1 Bagi memastikan sistem permohonan bantuan Kerajaan adalah telus dan bantuan disalurkan kepada golongan yang benar-benar layak, semakan kelayakan dengan beberapa agensi Kerajaan berkaitan adalah penting selain keperluan terhadap salinan dokumen berkaitan yang perlu dikemukakan oleh pemohon.
- 4.2 Isu yang berbangkit ialah pengkalan data di peringkat agensi Kerajaan yang tidak lengkap atau tidak sepenuhnya digital. Sebagai contoh, data perkahwinan/perceraian pasangan beragama Islam yang diterima daripada Kerajaan Negeri tidak lengkap, maka permohonan seseorang akan ditolak walaupun layak.
- 4.3 Bagi mengurangkan *exclusion error* tersebut, pemohon diperlukan membuktikan dengan dokumen sokongan seperti sijil nikah bahawa maklumat yang diterima daripada agensi terlibat adalah bukan data terkini atau tidak lengkap.
- 4.4 Sebagai alternatif, ada pihak yang mencadangkan sepatutnya terdapat kaedah lain untuk verifikasi syarat kelayakan tersebut atau menerima pengisytiharan sendiri bagi memudahkan proses permohonan dan rayuan. Keabsahan maklumat yang diterima daripada pelbagai agensi termasuk Kerajaan Negeri adalah penting bagi mempertimbangkan permohonan. Pada masa yang sama, perlu diimbangi faedah mengurangkan *exclusion error* melalui memudahkan keperluan dokumen atau kelonggaran syarat dengan risiko meningkatkan kemungkinan *inclusion error*.

Keperluan bantuan bersyarat (*conditional welfare*) dan *exit strategy*

4.5 Terdapat amalan antarabangsa mengenakan syarat ke atas penerima bantuan kebajikan seperti mengkaitkan bantuan berhubung bantuan anak keluarga miskin dengan menghadiri sekolah atau bantuan kehilangan pekerjaan dengan syarat menghadiri latihan atau menunjukkan usaha aktif mencari pekerjaan. Prinsipnya adalah untuk menyediakan bantuan dengan juga menggalakkan penerima untuk berusaha keluar daripada kemelut kemiskinan.

Kelayakan bantuan mengambil kira saiz dan pendapatan isi rumah (per kapita) seperti yang diamalkan dalam pemberian bantuan JKM dan pangkalan data e-Kasih

4.6 Penentuan kelayakan pendapatan yang digunakan adalah berdasarkan nilai ambang pendapatan isi rumah B40/M40 mengikut Survei Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas 2019 serta tidak mengambil kira saiz isi rumah (per kapita) seperti yang diamalkan dalam pemberian bantuan JKM dan pangkalan data e-Kasih.

4.7 Dalam pelaksanaan BPR 2021, nilai bantuan bagi isi rumah tertakluk kepada julat pendapatan dan bilangan anak. Sebagai contoh, nilai bantuan bagi isi rumah yang mempunyai anak 2 orang adalah lebih tinggi berbanding nilai bantuan isi rumah yang mempunyai seorang anak.

Kepelbagaian inisiatif bantuan Kerajaan yang diterima oleh individu yang sama

4.8 Kerajaan telah mengumumkan pelbagai inisiatif bantuan di bawah pakej bantuan dan rangsangan ekonomi dengan memperkenalkan inisiatif baharu serta menambah baik inisiatif sedia ada yang bersifat menyeluruh dalam membantu mengurangkan beban rakyat. Bantuan Kerajaan turut melibatkan bantuan daripada Kerajaan Persekutuan serta bantuan yang disalurkan menggunakan peruntukan Kerajaan Negeri.

4.9 Sebagai contoh, di bawah bantuan Kerajaan Persekutuan individu yang layak menerima BPR juga layak untuk menikmati inisiatif Jaringan Prihatin dan mySalam. Selain daripada itu, Kerajaan Negeri / agensi Kerajaan turut menyalurkan bantuan kepada golongan yang layak seperti Bantuan Sabah Prihatin, Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) Ihsan Johor, Program Prihatin Kasih dan lain-lain. Sehubungan itu, terdapat individu menerima bantuan Kerajaan Persekutuan yang turut menikmati bantuan daripada Kerajaan Negeri dengan tujuan bantuan yang sama.

Nilai bantuan yang diberikan rendah dan tidak mencukupi untuk menampung keperluan semasa

4.10 Memandangkan Kerajaan bukan sebuah *social welfare state*, tujuan utama bantuan Kerajaan adalah sekadar untuk mengurangkan beban kewangan kumpulan sasar, sama ada bagi kelangsungan hidup mahupun produktiviti harian, dan bukannya untuk mengganti punca sara hidup rakyat sepenuhnya. Sebagai contoh, tujuan BPR yang ditambah baik daripada BSH mulai tahun 2021 adalah untuk mengurangkan beban kewangan golongan disasarkan.

4.11 Kerajaan juga telah menetapkan peruntukan tertentu bagi tujuan penyaluran bantuan kewangan kepada rakyat selain mengambil kira situasi negara yang kini terkesan akibat pandemik COVID-19. Sehubungan itu, Kerajaan harus mempertimbangkan sama ada bantuan wajar diberikan kepada seramai mungkin penerima dengan nilai bantuan yang rendah; atau hanya tertumpu kepada golongan yang benar-benar memerlukan dengan nilai bantuan yang lebih tinggi.

Kebolehpercayaan proses verifikasi permohonan

4.12 Semua permohonan bantuan Kerajaan akan melalui proses verifikasi kelayakan dan akan disemak silang dengan data daripada 25 Agensi Kerajaan. Ini adalah bertujuan untuk memastikan tiada golongan yang tidak layak menerima bantuan tersenarai sebagai penerima (*inclusion error*).

Pendaftaran automatik daripada agensi-agensi Kerajaan. Terdapat golongan sasaran yang tidak membuat permohonan dan tercicir daripada menerima bantuan yang diberikan Kerajaan/Kerjasama Badan Bukan Kerajaan (NGO)

4.13 Dalam memastikan golongan sasaran yang tidak berdaftar dalam bantuan tunai langsung dapat dikurangkan, data sedia ada penerima bantuan dibawa secara automatik ke dalam permohonan seterusnya. Di samping itu, data daripada agensi Kerajaan lain seperti ICU JPM, JKM, DBKL, JAKOA, KPWKM dan PERKESO juga dimasukkan ke dalam pangkalan data permohonan.

4.14 Pelaksanaan semasa bantuan tunai langsung Kerajaan masih belum mempunyai penglibatan pihak Badan Bukan Kerajaan (NGO). Sehubungan itu, bagi memastikan tiada golongan layak yang tercicir daripada menerima bantuan (*exclusion error*), perancangan untuk melibatkan kerjasama NGO boleh dipertimbangkan dalam memastikan inisiatif Kerajaan dapat disalurkan dengan lebih efektif dan meluas. Antara cadangan kerjasama yang boleh diguna pakai ialah perkongsian data milik NGO bagi pendaftaran automatik permohonan bantuan Kerajaan.

Kaedah penyaluran bantuan secara tanpa tunai (*cashless*)

4.15 Kaedah penyaluran bantuan semasa adalah secara pengkreditan ke akaun bank penerima atau secara tuntutan tunai di mana-mana cawangan Bank Simpanan Nasional (BSN), tertakluk kepada prosedur operasi standard (SOP).

4.16 Bantuan Kerajaan terdiri daripada bantuan secara penyaluran tunai, bantuan berbentuk barangan/kemudahan atau melalui subsidi harga. Berdasarkan mekanisme penyaluran bantuan semasa secara penyaluran tunai, tiada jaminan bahawa bantuan dibelanjakan bagi keperluan sebenar. Manakala bagi bantuan seperti inisiatif bakul makanan, penerima menerima bantuan dalam bentuk makanan harian yang telah ditetapkan

dan tidak mempunyai pilihan lain. Melalui bantuan secara subsidi harga, bantuan ini dilihat turut dinikmati oleh golongan yang mampu.

4.17 Turut dicadangkan agar bantuan secara tanpa tunai (*cashless*) digunakan sebagai kaedah penyaluran yang lebih efektif. Kaedah ini dilihat lebih mudah di samping penerima boleh membelanjakan bantuan secara maksimum serta dapat membantu Kerajaan mengenal pasti trend perbelanjaan bantuan yang disalurkan.

Penerima di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak

4.18 Perkhidmatan Bank Bergerak telah dilancarkan pada bulan Julai 2021 di Sarawak dan BSN akan memulakan kemudahan tersebut di Sabah pada bulan Ogos 2021 bagi memudahkan lebih ramai rakyat mendapatkan perkhidmatan perbankan. Melalui inisiatif ini, penerima bantuan tunai langsung boleh mengakses pelbagai perkhidmatan perbankan termasuk pembukaan akaun, penyimpanan, pengeluaran dan pemindahan wang, pembayaran bil serta perbankan digital.

4.19 Selain itu, bagi penerima BPR di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak yang tidak mempunyai akaun bank, pelaksanaan pembayaran secara tunai juga akan dilaksanakan dan diselaraskan oleh Perbendaharaan Malaysia Sabah (PMSabah) dan Perbendaharaan Malaysia Sarawak (PMSarawak) dengan kerjasama Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) dan BSN di samping sokongan daripada Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak. Tempoh masa pelaksanaan ini akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.

4.20 Bagi memudahkan proses penunaian, data-data penerima ini turut dimuat naik ke dalam pangkalan data BSN untuk kemudahan penunaian mengikut masa yang sesuai bagi penerima berkenaan tanpa perlu menunggu program penunaian/Bank Bergerak dilaksanakan di kawasan mereka.

5. JANGKAAN IMPAK

- 5.1. Penyediaan kertas konsultasi awam ini dijangka memberi impak terhadap pelaksanaan bantuan Kerajaan dan penyediaan bajet tahunan secara umumnya. Melalui input dan pandangan yang lebih meluas daripada semua pihak diharapkan dapat membantu memperkasa sistem bantuan kewangan dan sistem permohonan sedia ada terutamanya dalam memastikan bantuan disalurkan kepada golongan sasaran yang layak serta benar-benar memerlukan bantuan.
- 5.2. Selain itu, melalui maklum balas yang diterima juga, ia boleh diambil kira sebagai indikasi yang perlu diberikan perhatian dalam pembentukan pakej bantuan Kerajaan yang lebih lestari. Hasil daripada kertas konsultasi awam ini juga diharapkan menyumbang kepada penyediaan bajet tahunan negara yang lebih komprehensif bagi memastikan keberkesanan penyampaian bantuan kepada rakyat. Hal ini demikian kerana, penyampaian bantuan yang berkesan dijangka mampu mengurangkan impak negatif dan memaksimumkan faedah kepada penerima bantuan kewangan Kerajaan.

6. RUMUSAN

Inisiatif bantuan tunai Kerajaan kepada rakyat perlu ditambah baik di dalam memastikan keperluan dan masalah rakyat terutamanya dalam situasi semasa dapat ditangani dengan baik. Diharapkan penambahbaikan yang dicadangkan dari aspek peningkatan keberkesanan penyampaian bantuan Kerajaan dan sistem permohonan bantuan yang adil dan saksama dapat memastikan tiada golongan layak yang tercicir dan golongan tidak layak yang menerima bantuan.

7. SOALAN DAN MAKLUM BALAS

Keperluan maklumat/data yang sahih dan terkini bertujuan untuk memastikan bantuan benar-benar sampai kepada golongan yang memerlukan.

- 7.1 Adakah wajar golongan pemohon bantuan kebajikan tidak diperlukan mengemukakan dokumen berkaitan atau maklumat permohonan yang lengkap? Bagaimana proses permohonan bantuan dapat dimudahcarakan ke arah mengurangkan *exclusion error* dan pada masa yang sama mengawal risiko *inclusion error*?
- 7.2 Bagaimana Kerajaan dapat menangani masalah data yang dikongsi daripada agensi Kerajaan atau sumber lain tidak tepat atau yang terkini dalam usaha supaya kebergantungan terhadap dokumen fizikal dapat dikurangkan?

Bantuan bersyarat merujuk kepada amalan antarabangsa iaitu bantuan tunai diberi tertakluk kepada syarat penerima membuat usaha atau tindakan tertentu dalam konteks keluar daripada kemelut kemiskinan.

- 7.3 Adakah wajar syarat tertentu dikenakan ke atas penerima bantuan tunai dan bagaimana penerima dapat dibantu dengan efektif supaya tidak bergantung selamanya kepada bantuan kebajikan (*exit strategy*)?

Terdapat cadangan supaya memastikan bantuan diberi kepada mereka yang benar-benar memerlukannya dengan mengambil kira saiz isi rumah atau menggunakan tahap pendapatan lain mengikut lokasi (seperti tahap pendapatan bandar dibezakan daripada luar bandar). Bagi memudahkan dan memastikan pertimbangan yang konsisten, bantuan tunai langsung seperti BPR menetapkan syarat berdasarkan pendapatan isi rumah tanpa mengambil kira bilangan ahli keluarga atau saiz isi rumah. hanya mengambil kira pendapatan isi rumah penerima dan syarat kelayakan yang ditetapkan dalam memastikan bantuan benar-benar sampai kepada golongan sasar.

- 7.4 Adakah wajar bantuan yang diberikan mengambil kira pendapatan isi rumah keseluruhan (per kapita) selain pendapatan isi rumah (suami dan isteri sahaja)? Apakah faktor yang perlu diambil kira dalam menentukan pendapat isi rumah yang layak untuk bantuan tunai?

Kepelbagaian inisiatif bantuan Kerajaan bagi membantu meringankan beban rakyat yang turut dinikmati oleh individu/kumpulan penerima yang sama.

- 7.5 Adakah wajar syarat pendapatan isi rumah bagi tujuan bantuan tunai ditambah baik dengan mengambil kira jumlah bantuan lain yang diterima daripada Kerajaan Negeri/agensi Kerajaan seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Pusat Zakat walaupun bantuan tersebut mempunyai tujuan yang sama?

Tujuan utama bantuan tunai Kerajaan adalah untuk mengurangkan beban kewangan kumpulan sasar namun ia tertakluk kepada peruntukan semasa Kerajaan. Isunya adalah cara-cara untuk mengoptimumkan pembahagian peruntukan yang dapat disediakan.

- 7.6 Adakah wajar bantuan hanya diberikan kepada golongan yang benar-benar memerlukan dan ditumpukan lebih kepada golongan miskin pada tahap B10 atau B20 dengan nilai bantuan yang lebih tinggi atau diberikan kepada seramai mungkin penerima termasuk M40 tetapi nilai bantuan yang rendah?

Kaedah semakan kelayakan semasa melibatkan proses verifikasi bersama 25 Agensi Kerajaan bagi memastikan tiada golongan yang tidak layak menerima bantuan tersenarai sebagai penerima (*inclusion error*). Antara cabaran yang dihadapi adalah untuk menilai tahap pendapatan sektor informal dan penggunaan proksi yang sesuai seperti pemilikan kereta mewah atau memilik syarikat.

- 7.7 Apakah tindakan penambahbaikan yang boleh dilaksanakan oleh Kerajaan bagi memastikan hanya golongan yang benar-benar layak menerima bantuan? Sila nyatakan (Sebagai contoh: semakan pendapatan perlu dibuat bersama agensi swasta bagi mendapatkan maklumat pendapatan sebenar)

Keterlibatan Badan Bukan Kerajaan (NGO) bagi memastikan tiada golongan layak yang tercicir daripada menerima bantuan (*exclusion error*) seperti gelandangan yang mungkin menghadapi kesukaran membuat permohonan bantuan tunai.

7.8 Adakah wajar penglibatan Badan Bukan Kerajaan (NGO) dipertimbangkan dari aspek perkongsian data bagi proses pendaftaran secara automatik selain turut menyumbang kepada penerima bantuan tunai yang layak melalui program bersesuaian?

Kaedah penyaluran bantuan secara tanpa tunai (*cashless*) sebagai pendekatan memastikan bantuan tunai digunakan untuk sebaiknya untuk manfaat isi rumah.

7.9 Adakah kaedah pembayaran tanpa tunai (*cashless*) dilihat lebih efektif berbanding kaedah sedia ada iaitu penyaluran bantuan secara tunai langsung?

Penerima bantuan di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak tidak mempunyai akses kepada kemudahan bank yang berdekatan. Pada masa ini, Kerajaan mengusahakan majlis penyerahan bantuan di lokaliti tertentu serta memulakan merintiskan perkhidmatan bank bergerak.

7.10 Apakah kaedah yang dapat bantu menyejajarkan dan memudahkan penyaluran bantuan kepada penerima bantuan di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak?

TAMAT

LAMPIRAN

A. Bantuan Prihatin Rakyat (BPR)

Kadar BPR 2021

Kadar bantuan BPR 2021 adalah seperti berikut:

Kategori BPR/ Pendapatan Bulanan	Nilai Bantuan Bujang (RM)	Nilai Bantuan Warga Emas Sebatang Kara (RM)	Nilai Bantuan Isi Rumah ≤ 1 anak/ tanggung (RM)	Nilai Bantuan Isi Rumah ≥ 2 anak/ tanggung (RM)
RM2,500 dan ke bawah	350	600	1,200	1,800
RM2,501- RM4,000	-	-	800	1,200
RM4,001- RM5,000	-	-	500	750

Melalui pakej PEMERKASA+, nilai pemberian BPR telah ditambah baik seperti berikut:

Kategori BPR/ Pendapatan Bulanan	Nilai Bantuan Bujang (RM)	Nilai Bantuan Warga Emas Sebatang Kara (RM)	Nilai Bantuan Isi Rumah ≤ 1 anak/ tanggung (RM)	Nilai Bantuan Isi Rumah ≥ 2 anak/ tanggung (RM)
RM2,500 dan ke bawah	450	700	1,700	2,300
RM2,501- RM4,000	-	-	1,100	1,500
RM4,001- RM5,000	-	-	800	1,050

Bilangan Penerima Mengikut Kategori BPR 2021

Kategori BPR/ Pendapatan Bulanan	Bujang	Warga Emas Sebatang Kara	Isi Rumah ≤ 1 anak/ tanggung	Isi Rumah ≥ 2 anak/ tanggung
RM2,500 dan ke bawah	3.8 juta	1.0 juta	1.7 juta	1.1 juta
RM2,501- RM4,000	-	-	0.3 juta	0.3 juta
RM4,001- RM5,000	-	-	0.1 juta	0.1 juta
Jumlah	3.8 juta	1.0 juta	2.1 juta	1.5 juta
Jumlah Keseluruhan	8.4 juta			

Statistik Penerima BPR 2021 Mengikut Negeri

Negeri	Keseluruhan (‘000)	Isi Rumah (‘000)	Warga Emas Sebatang Kara (‘000)	Bujang (‘000)
Johor	1,026	457	108	461
Kedah	675	299	85	291
Kelantan	568	230	65	273
Melaka	250	103	37	110
Negeri Sembilan	325	135	48	142
Pahang	447	191	54	202
Perak	796	335	114	347
Perlis	79	35	11	33
Pulau Pinang	445	171	82	192
Sabah	766	330	71	365
Sarawak	890	427	92	371
Selangor	1,227	498	136	593

Negeri	Keseluruhan ('000)	Isi Rumah ('000)	Warga Emas Sebatang Kara ('000)	Bujang ('000)
Terengganu	375	158	38	179
W.P. Kuala Lumpur	499	217	56	226
W.P. Labuan	21	9	2	10
W.P. Putrajaya	11	5	1	5
Jumlah	8,400	3,600	1,000	3,800

B. Kadar Bantuan Khas COVID-19 (BKC)

Kategori Penerima BKC	Kadar Bayaran		
	Miskin Tegar	B40	M40
Isi Rumah	RM1,300	RM800	RM250
Warga Emas Sebatang Kara	RM500	RM200	RM100
Bujang	RM500	RM200	RM100